

KAJIAN-KAJIAN BERKAITAN DENGAN ASPEK-ASPEK  
KEMAHIRAN EMPLOYABILITY YANG DIPERLUKAN OLEH  
PARA MAJIKAN INDUSTRI

Oleh:

Yahya bin Buntat  
Prof.Madya Dr.Muhammad Rashid bin Hj.Rajudin  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia Skudai Johor

*PADA* keluaran yang terdahulu kita telah dipaparkan dengan maklumat tentang konsep serta pengertian kemahiran employability dari pengkaji barat dan juga aspek-aspek penting dalam kemahiran employability. Dalam keluaran kali ini pula kita berpeluang mendapat maklumat dari beberapa kajian yang telah dijalankan berkaitan dengan aspek-aspek kemahiran employability yang diperlukan oleh para majikan.

Keupayaan memenuhi kehendak para majikan adalah sesuatu yang amat penting bagi seseorang pekerja. Majikan akan mendapat faedah dari para pekerja yang menepati kehendak dan keperluan bidang kerja yang ditawarkan. dan majikan juga akan mendapat menafaat daripada para pekerja yang berpotensi kerana ia akan menyelamatkan para majikan bagi menyediakan latihan untuk para pekerja barunya. Disamping itu juga para majikan akan dapat menyediakan diri para pekerja barunya untuk pasaran kerja. Pihak kerajaan, agensi, dan juga institusi pendidikan akan mendapat faedah dari jenis pengetahuan ini kerana mereka terlibat secara langsung dalam penyediaan individu untuk pekerjaan di masa akan datang. Oleh hal yang demikian kajian berkaitan dengan kemahiran employability ini adalah sesuatu yang sangat berfaedah bagi melihat tahap dan keperluan kemahiran tersebut oleh para majikan.

Berhubung dengan kemahiran employability ini, terdapat beberapa kajian terdahulu yang ada menyentuh aspek tersebut. Satu kajian yang dijalankan oleh sekumpulan para penyelidik di bahagian selatan sebuah daerah di Amerika Syarikat bagi mendapatkan pendapat dari para majikan terhadap tahap kemasukan para pekerja yang tidak mempunyai ijazah. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti trend pekerjaan di daerah tersebut dan juga untuk mengenalpasti kemahiran pekerjaan yang diperlukan oleh para majikan. Kajian berbentuk kualitatif ini dilakukan dengan menemuduga para majikan yang mewakili pelbagai organisasi. Seramai 564 para majikan telah ditemuduga yang meliputi individu-individu dari industri kecil dan besar yang terletak di kawasan bandar dan juga luar bandar. Kajian ini mendapati sebanyak 54 pekerjaan memerlukan pelbagai tahap kemahiran, kursus, dan juga pengetahuan. Tujuan temuduga ini adalah untuk membolehkan para majikan menyatakan isu-isu yang kebanyakannya penting untuk mereka, meliputi tahap kemasukan para pekerja yang tidak mempunyai ijazah (Martin, Carrier, & Hill, 1997).

Para penyelidik tersebut menyatakan bilangan trend dan juga kemahiran khusus yang diperlukan oleh para majikan. Antara trend tersebut adalah berkaitan dengan peningkatan kuasa pekerja dengan keperluan pekerjaan dalam membuat keputusan dan juga menyelesaikan masalah; tempat kerja yang "flexible", keperluan pekerja yang "flexible" dan juga perubahan yang stabil terhadap keperluan pekerja yang inginkan pembelajaran sepanjang hayat (Martin, Carrier, & Hill, 1997).

Setengah-setengah kemahiran yang diperlukan oleh para majikan terhadap para pekerja barunya adalah berkaitan dengan trend kesepaduan. Antara kemahiran yang diperlukan oleh para majikan adalah kemahiran membaca, kemahiran menulis, kemahiran berhubung; kemahiran matematik, kemahiran memberi alasan, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran membuat keputusan, kemahiran berkumpul, "flexibel" dan juga daya usaha (Martin, Carrier, & Hill, 1997).

Kajian kedua yang dikendalikan oleh satu konsortium guru-guru, kaunselor, dan juga para pentadbir dari daerah selatan sebuah negara di Amerika Syarikat. Kajian ini meninjau keperluan majikan industri berskil besar dan kecil yang menghendaki para pekerja yang mencapai tahap minimum diploma sekolah tinggi (McDaniels, 1992). Dalam kajian ini, para penyelidik telah menemuduga seramai 657 para majikan. Mereka cuba mengkaji tahap pasaran buruh di daerah ini dan pembangunan projek yang akan dijalankan sepanjang lapan tahun akan datang. Ketika berhubung dengan para majikan, para penyelidik mengedarkan soal selidik untuk mendapatkan data darihal syarikat dan juga bertanyakan soalan berkaitan dengan amalan perniagaan yang dijalankan. Soalan-soalan tersebut meliputi: keperluan para majikan pada 12 bulan akan datang dan juga lima hingga 10 tahun akan datang; peluang syarikat menawarkan pekerjaan kepada kaum wanita yang belum dewasa, atau para pekerja kurang upaya; keadaan kerja umum dalam syarikat, tahap gaji para pekerja baru; dan jenis latarbelakang dan kemahiran baru yang dijangkakan serta dimiliki para pekerja secara berterusan. (McDaniels, 1992).

Keputusan kajian mendapati terdapat 10 kriteria kemahiran ideal diperlukan oleh kebanyakan majikan. Antara kemahiran tersebut yang diperlukan termasuklah, berdikari, jujur, kekemasan, menepatimasa, keupayaan berhubung secara berkesan, keupayaan bekerja dalam satu kumpulan, kemahiran menyelesaikan masalah, kesetiaan kepada majikan, mempunyai etika kerja yang baik, dan juga dapat membuat pengubahsuaian (McDaniels, 1992).

Kajian lain yang menekankan kemahiran yang diperlukan oleh para majikan telah dijalankan di Canada oleh "The Conference Board of Canada's" pada tahun 1992. Bagi membentuk dokumen yang meliputi kemahiran yang diperlukan oleh para majikan untuk kejayaan dalam bidang kerja, pihak konsul telah membentuk Profile Kemahiran Employability. Dalam usaha membina profile ini, pertamanya pihak "Board" tersebut telah membuat tinjauan kajian terhadap kemahiran yang diperlukan oleh para majikan terhadap para pekerja baru. Mereka menggunakan rangkakerja yang meliputi tiga kategori kemahiran: Kemahiran akademik, Kemahiran mengurus individu, dan juga Kemahiran berpasukan. Draf ringkas ini diperolehi dari para majikan lain Canada

menerusi soal selidik dan juga perjumpaan dengan sebahagian 100 professional sumber manusia. Setelah mengeluarkan Profile Kemahiran Employability, Pihak "Board" seterusnya mendapati bahawa kemahiran yang terdapat dalam profile tersebut adalah kemahiran yang amat diperlukan oleh seseorang untuk berjaya di tempat kerja. Pihak "Board" telah mengadakan perjumpaan dengan 200 para perwakilan di kalangan kumpulan "stakeholder" untuk menyampaikan persoalan ini (McLaughlin, 1995).

Profile Kemahiran Employability (PKE) menyenaraikan kemahiran perhubungan adalah diantara kemahiran yang diperlukan oleh pekerja dalam katogeri kemahiran Akademik. Kemahiran komunikasi meliputi , Kemahiran mendengar, kemahiran membaca, kemahiran menulis, dan juga kemahiran berhubung dalam kontek industri yang dijalankan. PKE juga menjelaskan terhadap keperluan bagi para pekerja baru untuk membolehkan mereka berfikir secara kritikal, membuat keputusan, dan juga menyelesaikan masalah. Kebolehan meneruskan pelajaran adalah juga telah dikenalpasti oleh PKE dalam kajian ini. Dalam katogeri Kemahiran Mengurus Individu, KPE telah menyenaraikan sikap positif, lebih berkeyakinan diri, lebih bersikap jujur, bertanggung-jawab, mempunyai matlamat, dan juga dapat membuat penyesuaian terhadap perubahan adalah antara kemahiran yang diperlukan untuk mencapai kesempurnaan dalam sesuatu kerja. Akhir sekali, dalam katogeri Kemahiran Berkumpulan pula, PKE mendapati pelbagai kemahiran yang diperlukan untuk bekerja dengan baik dalam sesuatu kumpulan. Sebahagiannya meliputi kefahaman dan penglibatan dalam mencapai matlamat organisasi, merancang dan membuat keputusan dengan orang lain, serta menghargai pendapat orang lain. (McLaughlin, 1995).

Profile Kemahiran Employability ini telah digunakan di Canada dan juga persekitaran dunia yang lain untuk membina program bagi menyediakan kemahiran para pelajar untuk pekerjaan. Pihak "Conference Board" mencadangkan bahawa PKE harus menyediakan tujuan ini dalam dua cara. Pertama, para pendidik harus melaksanakannya dengan menyelitkannya dalam kurikulum pembelajaran. Kedua, ia hendaklah digunakan sebagai program tambahan semasa dalam bidang pembangunan dan pendidikan bersepadu (Cooperative Education), (McLaughlin, 1995). PKE ini adalah berguna sebagai alat untuk memahami kemahiran employability yang dicari.

Satu kajian servey yang dilakukan oleh para majikan berkaitan dengan tahap kemasukan pasaran dan jualan pekerja yang dikehendaki untuk mengenalpasti kemahiran yang kebanyakan diharapkan oleh kebanyakan majikan bagi seseorang yang dikehendaki. Soal selidik telah dihantar secara pos kepada 347 syarikat yang didapati memiliki bilangan besar para lulusan kolej. Soal selidik tersebut menggunakan responden bagi mencari 35 kriteria yang diperlukan pada tujuh tahap ukuran. Keseluruhan 35 ciri tersebut telah dikelaskan pula kepada tiga kategori: personal trait, kemahiran, dan juga kumpulan aktiviti. Sebagai tambahan kepada 35 ciri tersebut, responden juga ditanya dengan soalan-soalan secara terbuka. Keputusan kajian mendapati kemahiran komunikasi dan juga minat adalah kemahiran yang sangat diperlukan selepas kualiti para pekerja. kemahiran motivasi, kemahiran interpersonal, daya usaha, kematangan, azam yang kuat, dan juga kemahiran keusahawanan adalah juga dikenalpasti sebagai kemahiran ideal bagi

calon pekerja untuk tahap kemasukan ke bidang pemasaran dan jualan (Gaedeke & Tootelian, 1989).

Dalam satu kajian lain yang dikendalikan oleh The National Association of Colleges and Employers” (NACE) iaitu sebuah organisasi yang mewakili bidang perkhidmatan profesional di 1,600 college dan juga universiti, lebih dari 1,600 majikan, dan juga lebih 1,000,000 pelajar. Dalam kajian servey tahunannya bagi mengenalpasti trends dalam hiring intentions of employers of college graduates (National Association of Colleges and Employers, 1997). Sebanyak 425 responden di kalangan majikan digunakan dalam kajian servey pada tahun tersebut. Kebanyakan item kajian dalam servey tersebut mengemukakan soalan kepada majikan berkaitan dengan ciri-ciri individu yang mereka perlukan terhadap calon pekerja dan juga soalan lain pula bertanyakan majikan terhadap kadar kemahiran yang dikehendaki oleh calon pekerja (National Association of Colleges and Employers, 1997).

Dua soalan ini mendapat tindakbalas yang hampir sama. Antara kenyataan yang kerap dipilih oleh kebanyakan responden adalah kemahiran interpersonal, kejujuran, motivasi, kemahiran berhubung, kemahiran analitik, enthusiasm, kemahiran berpasukan, kemahiran komputer, kemahiran memimpin, pengubahsuaian, keyakinan diri, dan pengalaman bekerja, serta etika kerja yang baik (National Association of Colleges and Employers, 1997). Keputusan kajian yang dilakukan oleh NACE telah dapat mengenalpasti kemahiran yang diperlukan oleh para lepasan kolej.

Kajian peringkat antarabangsa lain juga menumpukan para lepasan kolej dalam sesatu bidang tertentu. Kajian ini, dikendalikan oleh “Collegiate Employment Research Institute”, yang telah membuat tinjauan terhadap isu-isu, dan juga persepektif para majikan yang memerlukan para lulusan baru kolej. Para pengkaji membuat servey terhadap para majikan dari syarikat berskil besar dan kecil; dari setiap daerah geografi di Amerika Syarikat, dan juga dari pelbagai sektor perniagaan, industri, dan agensi kerajaan, meliputi pegawai akaun, pegawai bank, dan juga jurutera. Kajian servey ringkas telah dihantar kepada 4,981 para majikan. Susulan secara cepat dilakukan terhadap servey yang telah dihantar kepada majikan yang tidak menghantar kembali soalselidik servey ringkas tersebut. Para penyelidik mendapat sejumlah 477 kertas servey yang dikembalikan dari para respon (Scheetz, 1977).

Keputusan kajian menunjukkan bahawa majikan memerlukan sebahagian kemahiran dan juga ketrampilan apabila menawarkan pekerjaan kepada para lulusan baru Kolej. Kemahiran komunikasi adalah senarai kemahiran yang paling tinggi diperlukan oleh majikan. Bentuk kemahiran Komunikasi ini meliputi, kemahiran lisan, kemahiran menulis, kemahiran mendengar; kebolehan bersikap positif terhadap orang lain; dan, kemahiran berhubung dengan para pelanggan. Para majikan juga memerlukan pekerja yang mempamerkan sikap kepimpinan, ketabahan, dan mengikut arahan. Kebolehan membuat pengubahsuaian, daya usaha, kematangan, dan juga keyakinan diri juga telah dinyatakan oleh para majikan. Kemahiran interpersonal juga didapati perlu oleh para majikan dalam kajian ini. Bidang lain yang para majikan inginkan dari para lulusan kolej adalah kebolehan berfikiran analitik. Pemikiran analitik ini meliputi; kemahiran

